

**GARIS PANDUAN PROSES PELUPUSAN AL-QURAN ROSAK,  
BAHAN-BAHAN YANG MENGANDUNGI TEKS AL-QURAN DAN  
YANG BUKAN RASM UTHMANI**

---

**1.0. PUNCA KUASA**

- 1.1. **Keputusan Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan** yang bersidang kali 2/2006 di Bilik Mesyuarat Tingkat Empat Majlis Agama Islam Kelantan pada 21 Disember 2006 telah membincangkan isu **Fatwa Mengenai Garis Panduan Pembakaran Buku-Buku Agama Yang Terdapat Ayat-Ayat Al-Quran dan Hadith** dan telah bersetuju menfatwakan seperti berikut:

Mesyuarat Jemaah Ulama' telah bersetuju mengeluarkan garis panduan pembakaran buku-buku Agama yang terdapat ayat-ayat Al-Quran dan Hadith.

*Huraian :*

- a) Tindakan yang perlu diambil terhadap ayat-ayat Al-Quran yang tidak dapat digunakan lagi adalah seperti berikut:
  1. Dibakar di tempat yang dikawal dan ditanam di tempat yang dikawal.
  2. Kerja-kerja pelupusan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada urusetia majlis dan Jabatan Agama Islam dan dilakukan dengan cara tersembunyi demi mengelakkan salah faham orang ramai.
- b) Cara pembakaran:
  1. Bahan yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran yang dibakar hendaklah menyeluruh tanpa tertinggal manapun bahagian yang tidak terbakar.

2. Bahan-bahan atau debu yang mengandungi ayat-ayat suci Al-Quran yang telah dibakar hendaklah dipastikan dikumpul supaya tidak ditiup angin atau bersepeah.
3. Bahan yang telah dibakar hendaklah ditanam pada tempat yang bersih atau tempat yang tidak dilalui orang atau dibuang ke dalam laut/sungai yang mengalir airnya.
4. Kerja-kerja pembakaran hendaklah dikawal selia oleh pegawai Jabatan Agama atau pihak yang mahu melupuskan bahan-bahan tersebut.

## **2.0. KAEDAH PEMBAKARAN**

### **2.1. TEMPAT PEMBAKARAN**

- 2.1.1. Dibakar di tempat yang luas dan terkawal serta terlindung daripada pandangan orang ramai bagi mengelakkan berlakunya fitnah terhadap kesucian Al-Quran.

### **2.2. PROSES PEMBAKARAN AL-QURAN**

- 2.2.1 Teks Al-Quran hendaklah dibakar menggunakan relau/tong drum atau apa-apa bekas yang difikirkan sesuai untuk tujuan pembakaran.
- 2.2.2 Teks Al-Quran hendaklah diracik/dikoyak bagi memudahkan proses pembakaran.
- 2.2.3 Teks Al-Quran hendaklah dibakar secara keseluruhannya.
- 2.2.4 Cermin kaca yang mengandungi tulisan/teks Al-Quran hendaklah dihilangkan tulisannya menggunakan asid/bahan lain yang bukan najis.
- 2.2.5 Plat aluminium yang mengandungi tulisan/teks Al-Quran hendaklah dihilangkan tulisan tersebut daripada kepingan plat berkenaan.

### **2.3. DEBU AL-QURAN**

- 2.3.1. Debu Al-Quran yang telah dibakar hendaklah dikumpul supaya tidak ditiup angin.
- 2.3.2. Debu tersebut dimasukkan ke dalam bekas yang sesuai.

### **2.4. PELUPUSAN DEBU AL-QURAN**

- 2.4.1. Debu Al-Quran yang telah dibakar hendaklah ditanam di tempat yang bersih dan tidak dilalui orang ramai **ATAU**
- 2.4.2. Dibuang ke dalam laut/sungai yang mengalir airnya.

## **3.0. ADAB-ADAB DAN ETIKA PENGENDALIAN AKTIVITI PELUPUSAN AL-QURAN**

- 3.1. Pengendali hendaklah beragama Islam.
- 3.2. Pengendali hendaklah sentiasa dalam keadaan berwuduk dan tidak berhadas besar setiap kali mengendalikan proses pelupusan.
- 3.3. Pengendali hendaklah berpakaian yang menutup aurat dan sopan ketika melakukan proses pelupusan.
- 3.4. Aktiviti pelupusan yang melibatkan proses pembakaran perlulah mempunyai kelengkapan dan alat yang mencukupi iaitu pakaian/jaket yang tebal, sarung tangan, penutup hidung (*mask*) dan berkasut - ***untuk jumlah pembakaran Al-Quran yang banyak.***
- 3.5. Bahan-bahan atau debu yang mengandungi ayat-ayat suci Al-Quran perlulah dikumpul dan diletakkan di dalam suatu bekas yang sesuai.
- 3.6. Bekas atau tempat yang dikumpulkan bahan-bahan atau debu ayat suci Al-Quran hendaklah diletakkan di suatu tempat yang tinggi, atau berlapik dengan suatu alas yang sesuai, atau diletakkan di suatu tempat yang difikirkan sesuai untuk menjaga kehormatan Al-Quran.

## **RUJUKAN**

1. Fatwa Mengenai Garis Panduan Pembakaran Buku-Buku Agama Yang Terdapat Ayat-Ayat Al-Quran dan Hadith oleh Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 2/2006.
2. Buku Garis Panduan Pembuatan, Penjualan dan Pelupusan Bahan-Bahan Penerbitan dan Perhiasan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Suci Al-Quran oleh JAKIM.
3. Garis Panduan Pelupusan Teks Al-Quran oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).

### **Disediakan oleh:**

Bahagian Penyelidikan

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)